



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA

SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN (SUBJEK JABATAN) ANJURAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (Edisi 2014)



AWAM

ELEKTRIKAL

MEKANIKAL

SENIBINA

UKUR BAHAN

Seksyen Peperiksaan Jabatan
Bhgn. Pembangunan Sumber Manusia
Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat JKR Malaysia
www.exam.jkr.gov.my





**Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan)
Anjuran Jabatan Kerja Raya Malaysia (Edisi 2014) ini
telah diluluskan oleh
LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN KERJA RAYA
pada 13 November 2013.**

Isi Kandungan

AWAM	1
PERKHIDMATAN - PELUKIS PELAN (GRED JA17)	2
PPA01 : LUKISAN KEJURUTERAAN AWAM- KERJA LUAR BANGUNAN	4
PPA02 : LUKISAN KEJURUTERAAN STRUKTUR	5
PPA03 : LUKISAN KEJURUTERAAN JALAN.....	7
PPA04 : KEJURUTERAAN AWAM - KERJA LUAR BANGUNAN.....	9
PPA05 : KEJURUTERAAN STRUKTUR.....	11
PPA06 : KEJURUTERAAN JALAN	13
PERKHIDMATAN - PENOLONG JURUTERA (GRED JA29)	17
PJA01 : KEJURUTERAAN AWAM – KERJA LUAR BANGUNAN	19
PJA02 : KEJURUTERAAN STRUKTUR	23
PJA03 : KEJURUTERAAN GEOTEKNIK.....	28
PJA04 : KEJURUTERAAN JALAN DAN JAMBATAN	31
PJA05 : PENGURUSAN PEMBINAAN	40
PJA06 : KEJURUTERAAN PENYENGGARAAN & PENGURUSAN ASET	45
ELEKTRIK	49
PERKHIDMATAN – PENOLONG JURUTERA GRED JA29	50
PJE01 : PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG ELEKTRIK.....	52
PJE02 : TEKNOLOGI ELEKTRIK I (TEORI)	54
PJE03 : TEKNOLOGI ELEKTRIK II (APLIKASI)	56
MEKANIKAL	59
PERKHIDMATAN – PENOLONG JURUTERA GRED JA29	60
PJM01 : LOJI KUARI DAN PEMBINAAN JALAN	62
PJM02 : PENGURUSAN WOKSYOP	67
PJM03 : KEJURUTERAAN AUTOMOBIL	70
PJM04 : TEKNOLOGI WOKSYOP.....	75
PJM05 : SISTEM MEKANIKAL DALAM BANGUNAN	78
PJM06 : REKABENTUK & LUKISAN MEKANIKAL DALAM BANGUNAN	84
SENIBINA	87
PERKHIDMATAN – PELUKIS PELAN GRED JA17	88
PPS01 : BINAAN BANGUNAN	90
PPS02 : KELENGKAPAN BANGUNAN	92
PPS03 : UJIAN KEFAHAMAN LUKISAN	95
PPS04 : SPESIFIKASI BAHAN BANGUNAN.....	97
PERKHIDMATAN – PENOLONG PEGAWAI SENIBINA GRED JA29	99
PJS01 : TULISAN SPESIFIKASI.....	101
PJS02 : BINAAN BANGUNAN	102
PJS03 : KEFAHAMAN LUKISAN DAN PERSEMBAHAN REKA BENTUK... ..	104
PJS04 : KELENGKAPAN BANGUNAN.....	105
UKUR BAHAN	108
PERKHIDMATAN – PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29	109
PJU01 : PENGUKURAN KUANTITI.....	109
PJU02 : AMALAN DAN PROSEDUR TENDER / KONTRAK	112
PJU03 : TEKNOLOGI BINAAN	115
PJU04 : SPESIFIKASI	118
PJU05 : SISTEM BEKALAN AIR DAN AIR SISA	119
PENGHARGAAN	121
MAKLUMAN DOKUMEN	122
SENARAI PINDAAN DOKUMEN	123

AWAM

AWAM



SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN (SUBJEK JABATAN)

PERKHIDMATAN - PELUKIS PELAN (GRED JA17)

JURUSAN - AWAM

1. TARIKH SUKATAN PEPERIKSAAN DILULUSKAN

Sukatan Peperiksaan (Edisi 2014) ini diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 13 November 2013.

2. TUJUAN

- i. Untuk menguji kefahaman dan pengetahuan seseorang Pelukis Pelan dalam bidang Kejuruteraan Awam.
- ii. Untuk memenuhi syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan Pelukis Pelan lantikan terus/tetap.

3. OBJEKTIF

Memastikan penjawat awam (Pelukis Pelan - Gred JA17) yang baru dilantik mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang diperlukan dalam melaksanakan tugas-tugas harian yang diamanahkan.

4. PEGAWAI YANG LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Pelukis Pelan (Awam) - Gred JA17 yang telah dilantik dalam perkhidmatan awam secara **lantikan tetap** dan masih dalam tempoh percubaan.

5. SUKATAN PEPERIKSAAN

5.1 Sukatan peperiksaan adalah merangkumi subjek-subjek berikut:-

- | | | |
|--|---|------------|
| i) PPA01 : Lukisan Kejuruteraan Awam-Kerja Luar Bangunan | - | Lampiran A |
| ii) PPA02 : Lukisan Kejuruteraan Struktur | - | Lampiran B |
| iii) PPA03 : Lukisan Kejuruteraan Jalan | - | Lampiran C |
| iv) PPA04 : Kejuruteraan Awam-Kerja Luar Bangunan | - | Lampiran D |
| v) PPA05 : Kejuruteraan Struktur | - | Lampiran E |
| vi) PPA06 : Kejuruteraan Jalan | - | Lampiran F |

5.2 Calon-calon dikehendaki **MEMILIH DAN WAJIB LULUS DUA (2) SUBJEK SAHAJA** untuk tujuan pengesahan jawatan.

6. KOD PEPERIKSAAN

C03 – Peperiksaan Perkhidmatan Pelukis Pelan.

7. SOALAN YANG PERLU DIJAWAB

Berbentuk Esei dan berdasarkan keperluan dalam sukanan peperiksaan.

8. TAHAP KESUKARAN SOALAN

Menguji **pengetahuan dan pemahaman**.

9. RUJUKAN SEMASA PEPERIKSAAN

Calon-calon **tidak dibenarkan** merujuk sebarang sumber bacaan/rujukan/nota dalam apa-apa medium sekalipun semasa peperiksaan dijalankan **kecuali** yang dibenarkan dalam Sukatan Peperiksaan.

10. PENGECUALIAN

Calon-calon yang telah **Iulus** mana-mana subjek dalam peperiksaan ini adalah **dikecualikan** mengambil semula subjek tersebut.

11. KEPUTUSAN

Lulus/Kandas (Markah lulus yang ditetapkan adalah 40%).

12. PELANTIKAN PEMERIKSA

Pemeriksa adalah dilantik dengan kelulusan dari Pengurus Lembaga Peperiksaan Kementerian Kerja Raya Malaysia.

13. BAHASA

Soalan dan jawapan adalah dalam **Bahasa Malaysia** sepenuhnya kecuali untuk terminologi-terminologi tertentu.

14. PERMOHONAN

Permohonan menduduki peperiksaan adalah menerusi aplikasi dalam talian (*online*) **SAHAJA** melalui laman portal www.exam.jkr.gov.my dan perlu dikemukakan ke Seksyen Peperiksaan Jabatan, JKR sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

15. PUSAT PEPERIKSAAN

Pusat Peperiksaan disediakan di setiap Ibu Pejabat JKR Negeri/Wilayah Persekutuan (kecuali W.P. Putrajaya) dan berdasarkan ketetapan oleh Seksyen Peperiksaan Jabatan (SPJ), Cawangan Pengurusan Korporat, JKR Malaysia.

16. KEKERAPAN PEPERIKSAAN

Peperiksaan diadakan **dua (2)** kali setahun.

17. TARIKH AKHIR PERMOHONAN

Satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Seksyen Peperiksaan Jabatan, Cawangan Pengurusan Korporat, Jabatan Kerja Raya Malaysia (± 1 bulan sebelum tarikh peperiksaan).

Lampiran A

PPA01 : LUKISAN KEJURUTERAAN AWAM- KERJA LUAR BANGUNAN

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** serta kemahiran yang diperlukan seorang Pelukis Pelan Awam mengenai skop kerja penyediaan Lukisan Kejuruteraan Awam untuk kerja luar bangunan meliputi perkara-perkara berikut:

1. Perisian

Pengetahuan menggunakan perisian berkaitan dalam penyediaan lukisan kejuruteraan, terutama *AutoCad* atau lain-lain.

2. Garisan dan Skala Lukisan

- a) Jenis-jenis garisan.
- b) Pembahagian garisan-garisan.
- c) Pembinaan bentuk-bentuk geometri.
- d) Lukisan lengkung teratur dan tidak teratur.
- e) Pembesaran dan pengecilan lukisan mengikut skala.

3. Unjuran Ortografik

Kaedah membuat unjuran ortografik.

4. Unjuran Isometrik.

Kaedah membuat unjuran ortografik isometrik.

5. Susunatur Lukisan, Sistem Kod Dan Melabel Lukisan

- a) Membuat susunatur dan merancang lukisan-lukisan mengikut amalan JKR
- b) Tanda-tanda kelaziman dan pemakaian tanda bagi pelbagai bahan seperti batu bata, konkrit, tanah, kerja batu dan lain-lain, butiran ringkas pelan penunjuk dan pemasangan serta simbol sesalur bekalan bangunan.

6. Kerja-Kerja Luar

Lukisan pembinaan sistem kumbahan luaran, sistem retikulasi air luaran, sistem saliran permukaan, jalan dalaman, dataran kejat, kerja tanah, kawalan hakisan, kawalan kelodak dan jenis-jenis struktur penahan.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab **lima (5) sahaja** daripada sepuluh (10) soalan eseи.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN.

1. Nota Kursus Pengenalan Lukisan Sivil

Lampiran B

PPA02 : LUKISAN KEJURUTERAAN STRUKTUR

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** serta kemahiran yang diperlukan seorang Pelukis Pelan Awam mengenai skop kerja penyediaan Lukisan Kejuruteraan Struktur meliputi perkara-perkara berikut:

1. Perisian

Pengetahuan menggunakan perisian berkaitan dalam penyediaan lukisan kejuruteraan, terutama *AutoCad* atau lain-lain.

2. Garisan Dan Skala Lukisan

- a) Jenis-jenis garisan.
- b) Pembahagian garisan-garisan.
- c) Pembinaan bentuk-bentuk geometri.
- d) Lukisan lengkung teratur dan tidak teratur.
- e) Pembesaran dan pengecilan lukisan mengikut skala.

3. Unjuran Ortografik

Kaedah membuat unjuran ortografik.

4. Unjuran Isometrik.

Kaedah membuat unjuran ortografik isometrik.

5. Susunatur Lukisan Struktur/Bangunan

- a) Membuat susunatur dan merancang lukisan-lukisan struktur/bangunan mengikut amalan JKR. Ia termasuk jenis-jenis skala, saiz kertas, susun atur lukisan butiran yang bermula dari pelan punca susun atur asas (cetek atau dalam) sehinggalah kepada lukisan perincian rasuk, papak dan sebagainya.
- b) Memahami keperluan nota-nota lukisan struktur termasuk petunjuk tetulang dan sebagainya.

6. Sistem Kod Dan Melabel Lukisan

Tanda-tanda kelaziman dan pemakaian tanda bagi pelbagai bahan seperti jenis tetulang (R atau T), label rasuk, batu bata, konkrit, tanah, kerja batu dan lain-lain

7. Binaan Struktur

- a) Memahami konsep asas butiran untuk elemen struktur bangunan konkrit tetulang seperti asas, rasuk, papak, tiang dan pandangan keratan dan pengetahuan untuk melukis elemen struktur tersebut.
- b) Mengetahui butiran untuk lukisan pembinaan kayu, keluli, konkrit bertetulang, konkrit prategasan dan komponen struktur pasang siap.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab **lima (5) sahaja** daripada sepuluh (10) soalan esei.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN.

1. *Reinforcement Detailing Manual to BS 8110 – Ove Arup Partnership*
2. *Structural Detailing In Steel- MYH Bangash*
3. *Standard Method of Detailing Structural Concrete- Published by The Institution of Structural Engineers, The Concrete Society*
4. *Structural Precast Concrete Handbook – Construction Industry Development Board (CIDB)*
5. Rekabentuk Struktur Kayu Menurut MS 544 – Mat Lazim Zakaria

Lampiran C

PPA03 : LUKISAN KEJURUTERAAN JALAN

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** serta kemahiran yang diperlukan seorang Pelukis Pelan Awam mengenai skop kerja penyediaan Lukisan Kejuruteraan Jalan, meliputi perkara-perkara berikut:

1. Perisian

Pengetahuan menggunakan perisian berkaitan dalam penyediaan lukisan kejuruteraan, terutama AutoCad atau lain-lain.

2. Garisan Dan Skala Lukisan.

- a) Jenis-jenis garisan.
- b) Pembahagian garisan-garisan.
- c) Pembinaan bentuk-bentuk geometri.
- d) Lukisan lengkung teratur dan tidak teratur.
- e) Pembesaran dan pengecilan lukisan mengikut skala.

3. Unjuran Ortografik.

Kaedah membuat unjuran ortografik.

4. Unjuran Isometrik.

Kaedah membuat unjuran ortografik isometrik.

5. Susunatur Lukisan Jalan dan Jambatan.

- a) Membuat susunatur dan merancang lukisan-lukisan jalan dan jambatan mengikut amalan JKR. Ia termasuk jenis-jenis skala, saiz kertas, susun atur lukisan butiran yang bermula dari pelan punca sehingga kepada lukisan perincian dan sebagainya.
- b) Memahami keperluan nota-nota lukisan jalan dan jambatan termasuk petunjuk berkaitan.

6. Sistem Kod dan Melabel Lukisan

Tanda-tanda kelaziman dan pemakaian tanda bagi pelbagai komponen rekabentuk jalan seperti geometri jalan, keratan rentas jalan, sistem perparitan, penyediaan skima, jambatan, perabot jalan dan sebagainya.

7. Binaan Struktur Jalan.

- a) Memahami konsep asas butiran untuk elemen struktur jalan dan jambatan termasuk pandangan keratan dan pengetahuan untuk melukis elemen struktur tersebut.
- b) Mengetahui butiran untuk jalan dan jambatan dan sebagainya.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab **lima (5) sahaja** daripada sepuluh (10) soalan esei.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. *Transport Engineering* (V N Vazirani and S P Chandola, Khanna Publishers 2001).
2. *Highway Engineering* (Clarkson H. Oglesby and R. Gary Hicks. J. Wiley. New York 1982).
3. *Transportatioan & Traffic Engineering Handbook*, Institute of Traffic Engineers (John E. Baerwald. Prentice-Hall Inc. New Jersey 1976).
4. *A Policy on Geometric Design of Highways and Streets* (American Society of State Highway & Transportation Officials AASHTO 1984).
5. Arahan-Arahan Teknik (Jalan) (Laman Web JKR Cawangan Jalan).
6. Teknik Sistem Lalu Lintas dan Pengangkutan (Ibrahim Wahab, USM 1990).
7. Reka Bentuk Jalan Raya Untuk Jurutera (Meor Othman Hamzah, Asri Hasan dan Mohamed Rehan Karim, DBP 1993).
8. *Specification for bitumen macadam for roads and other paved areas.* (MS 512: 1977) SIRIM.
9. *Specification for asphaltic concrete for road pavement and airfield runway by the Marshall Test method.* (MS 535: 1978) SIRIM.
10. *Standard Specification for Road Works- JKR/SPJ/1988 Section 4* (Ref. No: JKR 20401-0017-88).
11. *Guideline for inspection and testing of road works* (JKR 20407-0001-90).
12. *A guide to good quality control practices on asphalt production and construction* (JKR 20401-0037-01).
13. *A guide for district engineers staff on pavement maintenance* (JKR 0400-071-97).

Lampiran D

PPA04 : KEJURUTERAAN AWAM - KERJA LUAR BANGUNAN

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** yang diperlukan dalam bidang kerja sebagai Pelukis Pelan Awam mengenai Kerja-Kerja Luar Bangunan meliputi perkara-perkara seperti berikut:

1. Sistem Kumbahan.

- a) Komponen sistem.
- b) Pemasangan sistem.
- c) Penyediaan lukisan sistem.
- d) Konsep rekabentuk bahan-bahan sanitasi.

2. Sistem Saliran Permukaan.

- a) Komponen sistem saliran termasuk keperluan MASMA.
- b) Pemasangan sistem.
- c) Penyediaan lukisan sistem.
- d) Konsep rekabentuk.
- e) Kehendak MASMA.

3. Jalan Dalaman dan Dataran Kejat.

- a) Penyediaan lukisan.
- b) Komponen jalan.
- c) Dataran kejat.

4. Kerja Tanah

- a) Kaedah dan skop kerja.
- b) Konsep rekabentuk.
- c) Penyediaan lukisan.

5. Jenis-Jenis Struktur Penahan.

- a) Jenis-jenis struktur penahan yang sering digunakan di dalam projek JKR.
- b) Konsep rekabentuk asas.

6. Bekalan Air Dan Sistem Retikulasi Air Luaran.

- a) Pengenalan kepada rawatan air.
- b) Fungsi komponen-komponen loji rawatan air.
- c) Susunatur rumah pam.
- d) Pemasangan bekalan air (paip dan bahan-bahan khas).
- e) Sistem bekalan air luaran.
- f) Sistem bekalan air dalam bangunan.
- g) Peraturan-peraturan bekalan air.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab **lima (5) sahaja** daripada sepuluh (10) soalan esei.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. *State Water Supply Enactment.*
2. *State Water Supply Rules.*
3. *JKR Specifications on Constructions of Treatment Plants and Reinforce Concrete Reservoirs.*
4. *Water Supply and Sanitary Engineering – Gurcharan Singh, Std Publisher Distributor.*
5. *Water Supply – L.C Twort, 1985 3rd Edition, Edward Arnold.*
6. *Water Supply and Sewage – Ernest W. Steel, 1979, Fifth Edition, McGraw Hill.*
7. *National Programme on Drinking Water Quality Surveillance.*
8. *Reinforced Concrete Design – Mosley and Bungey. MacMillan.*
9. *Reinforced Concrete, Design Theory and Examples – T.J MacGinley. E and F.N Spon.*
10. *Reinforced Concrete Design to BS 8110, Simply Explained – A.H. Allen. E and F.N. Spon.*
11. *Structural Steelwork Calculations and Detailing – T.J MacGinley. Butterworths.*
12. *Water Industries Services Act (WISA) 2006.*
13. *MWA Design Guidelines for Water Supply Systems 1994.*
14. *Malaysian Sewerages Industry Guidelines Volume III, IV and V.*
15. *MSMA Second Edition.*
16. *JKR Standard Building Specification 2005.*

Lampiran E

PPA05 : KEJURUTERAAN STRUKTUR

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** yang diperlukan dalam bidang kerja sebagai Pelukis Pelan Awam mengenai Kejuruteraan Struktur meliputi perkara-perkara seperti berikut:

1. Konkrit Bertetulang

- a) Sifat-sifat bahan yang digunakan di dalam konkrit tetulang seperti simen, pasir, batu baur, jenis dan saiz tetulang, air dan sebagainya.
- b) Kekuatan konkrit.
- c) Ujian Konkrit.
- d) Jenis, saiz dan kekuatan besi tetulang.
- e) Kod-kod rekabentuk yang digunakan di dalam penyediaan lukisan-lukisan konkrit tetulang.
- f) Pemahaman istilah dan elemen komponan struktur.
- g) Prinsip-prinsip konkrit tetulang.
- h) Pemahaman keperluan ketebalan penutup konkrit setiap komponen struktur mengikut kod rekabentuk.
- i) Susunan tetulang, *lap length* dan *anchorage length*.
- j) Pentafsiran butiran konkrit tetulang dari pelan-pelan.
- k) Pemahaman/Penulisan spesifikasi ringkas tentang jenis-jenis bahan yang digunakan.

2. Keluli.

- a) Ukuran dan kaedah pengukuran saiz komponen.
- b) Kod-kod rekabentuk yang digunakan di dalam penyediaan lukisan-lukisan struktur keluli.
- c) Jenis-jenis sambungan yang digunakan.
- d) Jenis-jenis dan kegunaan setiap komponen.
- e) Saiz piawai.
- f) Konsep rekabentuk.

3. Kayu

- a) Saiz dan kaedah pengukuran komponen.
- b) Jenis dan kegunaan setiap komponen.
- c) Jenis-jenis sambungan.
- d) Konsep rekabentuk.

4. Sistem Bangunan Berindustri (*IBS*)

- 4.1 Konkrit Pasang Siap/Prategasan;
 - a) Saiz dan kaedah pengukuran.
 - b) *Modular Coordination*.
 - c) Jenis-jenis dan kegunaan setiap komponen.
 - d) Jenis-jenis sambungan.

- e) Konsep rekabentuk.

5. Pembekal Sistem.

Pembekal sistem bermaksud komponen binaan siap yang dibekalkan ke tapak di mana mutu pembuatan dan pemasangan dikawal dan diselia oleh pihak pembekal sistem itu sendiri, contohnya sistem kerangka bumbung.

- a) Jenis-jenis pembekal sistem.
- b) Penyediaan lukisan pembekal sistem.
- c) Konsep rekabentuk.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab lima (5) sahaja daripada sepuluh (10) soalan eseai.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. *Reinforced and Prestressed Concrete – Kong and Evan. Van Nostrand Reinhold (International).*
2. *Worked Example for Design of Reinforced Concrete – T.J. MacGinley.*
3. *Structures – Marshall and Nelson. Pitman.*
4. *Structural Use of Concrete (MS 1195).*
5. *Specification for the Use of Structural Steel in Building (BS 5950).*
6. *Code of Practice for the Structural Use of Timber (MS 544).*
7. *Intermediate Structural Analysis – C.K. Wang.*
8. Kekuatan Bahan dan Struktur – Case dan Chilver (Terjemahan Mohd Nor Abu Hasan dan Mohd Rahim Karim).
9. *Reinforced Concrete Design – Mosley and Bungey. MacMillan.*
10. *Reinforced Concrete, Design Theory and Examples – T.J MacGinley. E & F.N Spon.*
11. *Reinforced Concrete Design to BS 8110, Simply Explained – A.H. Allen. E and F.N. Spon.*
12. *Structural Steelwork Calculations and Detailing – T.J MacGinley. Butterworths.*
13. Teknologi Binaan Bangunan – Tan Boon Tong.
14. Ringkasan Implementasi Kerja Bangunan – Azizan Mohd Noor.
15. *Design of Structural Elements – W.M.C. McKenzie.*
16. *JKR Standard Specification for Building Works 2005 (JKR 20800-132-23) – JKR Malaysia.*
17. *Manual on Quality Assurance in Concreting Works (JKR 20700-0035-91) – JKR Malaysia.*
18. *Reinforcement Detailing Manual to BS 8110 – Ove Arup Partnership.*
19. *Structural Precast Concrete Handbook – Construction Industry Development Board (CIDB).*
20. Rekabentuk Struktur Kayu menurut MS544 - Mat Lazim Zakaria. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran F**PPA06 : KEJURUTERAAN JALAN**

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** yang bersetujuan dengan bidang kerja sebagai Pelukis Pelan Awam mengenai perkara-perkara seperti berikut;

1. Rekabentuk Geometri.

Memahami istilah-istilah (*terminologies*) dan boleh membantu menyediakan lukisan:

- a) Data survey.
- b) Hirarki Jalan (*Road Hierarchy*).
- c) Penajaran Datar (*Horizontal Alignment*) dan Penajaran Tegak (*Vertical Alignment*).
- d) Elemen Rekabentuk (*Design Elements*):
 - i) Jarak penglihatan (*Sight Distance*).
 - ii) Jarak penglihatan berhenti (*Stopping Sight Distance*).
 - iii) Jarak penglihatan memotong (*Passing Sight Distance*).
 - iv) Jejari lengkung bulat (*Curve Radius*).
 - v) Laju perjalanan (*Operating Speed*).
 - vi) Laju rekabentuk (*Design Speed*).
 - vii) Laju peratusan 85 (*85th Percentile Speed*).
 - viii) Kadar sendengan (*Rate of Superelevation*).
 - ix) Lengkung peralihan (*Transition curve*).
 - x) Gred (*Grade*).
 - xi) Lengkung tegak (*Verticle curve*).
- e) Elemen Rekabentuk (*Cross Section Elements*):
 - i) Lebar lorong (*Lane Width*).
 - ii) Bahu (*Shoulder*).
 - iii) Pembahagi tengah (*Median*).
 - iv) Rezab jalan (*Road Reserve*).
 - v) Lebar hak lalu (*Right of Way*).
 - vi) Bebendul (*Kerb*).
 - vii) Lorong pejalan kaki (*Pedestrian sidewalk*).
 - viii) Rel adang (*Traffic barriers*).
- f) Isipadu Lalu Lintas (*Traffic Volume*), Purata Lalu Lintas Harian, PLH (*Average Daily Traffic, ADT*), Isipadu Setiap Jam Rekabentuk (*Design Hourly Volume, DHV*) dan Tahun Rekabentuk (*Designed Year*).
- g) Keratan rentas Jalan (*Road Cross Section*) dan keratan melintang (*Longitudinal section*).
- h) Persilangan/persimpangan jalan (*Road intersection/interchange*), Penyaluran (*Channelisation*) dan Lorong pecutan/nyahpecutan (*Acceleration / Deceleration Lane*).
- i) Pengelasan rupa bentuk muka bumi (rata, bercerun, berbukit dan sebagainya).

- j) Turapan jalan.

2. Kejuruteraan Pavemen.

- 2.1 Memahami istilah-istilah (*terminologies*):
- a) *Paved Road.*
 - b) *Unpaved Road.*
 - c) *Flexible Pavement.*
 - d) *Rigid Pavement.*
 - e) *Semi Rigid Pavement.*
 - f) *Subgrade.*
 - g) *Drainage layer.*
 - h) *Sub-base.*
 - i) *Roadbase:*
 - i) *Crushed Aggregate Roadbase.*
 - ii) *Wet-Mix Roadbase.*
 - iii) *Cement Treated Base.*

- 2.2 Pemahaman mengenai perkara berikut secara am;

- a) Struktur turapan lentur (*Typical Flexible Pavement Structures*).
- b) *Struktur Turapan Tegar (Typical Rigid Pavement Structures).*
- c) *Plain Concrete Pavement (PCP).*
- d) *Jointed Reinforced Concrete Pavement (JRCP).*
- e) *Continuously Reinforced Concrete Pavement (CRCP).*
- f) *Bituminous Specialty Mix.*

- 2.3 Lakaran, lukisan dan nota/petunjuk berkaitan dengan struktur pavemen.

3. Kejuruteraan Trafik.

- a) Memahami istilah-istilah (*terminologies*):
 - i) Setara Unit Kereta Penumpang (*Passenger Car Unit, PCU*).
 - ii) Muatan Jalan Raya (*Road Capacity*).
 - iii) Tingkat Perkhidmatan (*Levels of Service, LOS*).
 - iv) Lakaran, lukisan dan nota/petunjuk berkaitan kajian trafik.

4. Tanda-Tanda Trafik/Jalan.

- a) Jenis dan penggunaan tanda trafik/tanda tunjuk arah (*Types and usages of traffic signs/directional signs*).
- b) Tanda jalan (*Road marking*).
- c) Lakaran, lukisan dan nota/petunjuk berkaitan tanda jalan/trafik.

5. Pengurusan Trafik.

Mempunyai pengetahuan am:

- a) Lakaran, lukisan dan nota/petunjuk berkaitan papan tanda.
- b) Tanda jalan/trafik semasa pengurusan trafik.

6. Keselamatan Jalan

Mempunyai pengetahuan am:

- a) Jenis-jenis *perabot jalan*.
- b) Peletakan perabot jalan.
- c) Papan tanda dan tanda jalan yang berkaitan dengan keselamatan jalan.
- d) Lakaran, lukisan dan nota/petunjuk berkaitan papan tanda dan tanda keselamatan.

7. Analisis Hidrologi & Asas Rekabentuk Perparitan.

Memahami istilah-istilah (*terminologies*) dan pemahaman perkara berikut secara am:

7.1 Analisis Hidrologi.

- a) Pengenalan Hidrologi.
 - i). Parameter Hidrologi;
 1. Air larian permukaan.
 2. Air bawah tanah.
 3. Penyerapan.
- b) Kawasan tadahan hujan (*catchment area*).
- c) Data Hujan;
 - i). Pengukuran & pencerapan data hujan.
 - ii). Data hujan tahunan.
- d) Kadar alir puncak (Q).
- e) Keamatian hujan.
- f) *Overland direction (Lo)*.

7.2 Asas Rekabentuk Perparitan (Longkang & Pembetung).

- a) Aras bentukan (*Formation level*).
- b) Longkang di kawasan pemotongan dan tambakan (*Drainage at cut & fill area*).
- c) Jenis-jenis longkang.
- d) *Flow direction*.
- e) *Discharge point*.
- f) Jenis-jenis pembetung.
- g) Saiz pembetung.
- h) Lokasi pembetung.
- i) Tatacara/kaedah pembinaan (*Method of Statement*).
- j) Penyelenggaraan (*maintenances*).

SOALAN-SOALAN

1. Jawab lima (5) sahaja daripada sepuluh (10) soalan eseai.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. Surveying – A.Bannister and S.Raymond. 4th Edition. English Language Book Society, London 1977.
2. Arahan Teknik (Jalan) 5/85 Manual on Pavement Design.
3. Arahan Teknik (Jalan) 5/85 (Pindaan 2013) Manual For The Structural Design of Flexible Pavement.
4. Standard Specification for Roads Works-KR/ SPJ/1988 Section 4 (Ref. No : JKR 20401-0017-88).
5. Guideline for inspection and testing of roads works (Ref. No: JKR 20401-0001-90).
6. A guide to good quality control practice on asphalt production and construction (JKR 20401-0037-01).
7. Standard Drawing for Road Construction.
8. Arahan Teknik (Jalan) 8/86, A Guide on Geometric Design of Road.
9. Geometric Design of Road (REAM GL 2/2002).
10. Reka Bentuk Jalan Raya Untuk Jurutera (Meor Othman Hamzah, Asri Hasan dan Mohamed Rehan Karim, DBP 1993).
11. Specification for bitumen macadam for roads and other paved areas (MS 512 : 1977) – SIRIM.
12. ATJ 5/85 (Pindaan 2013) Manual for the Structural Design of Flexible Pavement.
13. Arahan Teknik (Jalan) 2A/85 Manual on Traffic Control Devices- Standard Traffic Sign.
14. Arahan Teknik Jalan 11/87A Guide to the Design of At Grade Intersections.
15. Arahan Teknik Jalan 9/86 Guidelines for the Installation of Kilometre Post.
16. Arahan Teknik (Jalan) 6/85 Guidelines For Presentation of Engineering Drawings.
17. Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 Manual on Traffic Control Devices Temporary Signs and Work Zones Control.
18. Arahan Teknik (Jalan) 2B/85. Manual On Traffic Control Devices:- Traffic Sign Applications.
19. Arahan Teknik (Jalan) 2D/85. Penerangan Penerbitan: Manual On Traffic Control Devices: Road Marking And Delineation.
20. Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA 2nd Edition).
21. REAM GL 3/2004 : Guidelines for Road Drainage Design. Volume 1: Hydrological Analysis – Estimation of Design Floods.
22. REAM GL 3/2002 : Guidelines for Road Drainage Design. Volume 2 – Hydraulic Design of Culvert.
23. REAM GL 3/2002 : Guidelines for Road Drainage Design. Volume 4 – Surface Drainage.
24. REAM GL 3/2002 : Guidelines for Road Drainage Design. Volume 5 – Subsoil Drainage.
25. A guide for district engineers staff on pavement maintenance (JKR 0400-071-97).

SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN (SUBJEK JABATAN)

PERKHIDMATAN - PENOLONG JURUTERA (GRED JA29)

JURUSAN - AWAM

1. TARIKH SUKATAN PEPERIKSAAN DILULUSKAN

Sukatan peperiksaan (Edisi 2014) ini diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 13 November 2013.

2. TUJUAN

- i. Untuk menguji kefahaman dan pengetahuan seseorang Penolong Jurutera dalam bidang Kejuruteraan Awam.
- ii. Untuk memenuhi syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan Penolong Jurutera lantikan terus/tetap.

3. OBJEKTIF

Memastikan penjawat awam (Penolong Jurutera Awam Gred JA29) yang baru dilantik mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang diperlukan dalam melaksanakan tugas-tugas harian yang diamanahkan.

4. PEGAWAI YANG LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Penolong Jurutera Awam Gred JA29 yang telah dilantik dalam perkhidmatan awam secara **lantikan tetap** dan **masih dalam tempoh percubaan**.

5. SUKATAN PEPERIKSAAN

5.1 Sukatan peperiksaan adalah merangkumi subjek-subjek berikut:-

- | | | | |
|------|--|---|------------|
| i) | PJA01 : Kejuruteraan Awam-Kerja Luar
Bangunan | - | Lampiran A |
| ii) | PJA02 : Kejuruteraan Struktur | - | Lampiran B |
| iii) | PJA03 : Kejuruteraan Geoteknik | - | Lampiran C |
| iv) | PJA04 : Kejuruteraan Jalan dan Jambatan | - | Lampiran D |
| v) | PJA05 : Pengurusan Pembinaan | - | Lampiran E |
| vi) | PJA06 : Kejuruteraan Penyenggaraan dan
Pengurusan Aset. | - | Lampiran F |

5.2 Calon-calon dikehendaki **MEMILIH DAN WAJIB LULUS DUA (2) SUBJEK SAHAJA** untuk tujuan pengesahan jawatan.

6. KOD PEPERIKSAAN

B01 – Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Senibina dan Penolong Juruukur Bahan.

7. SOALAN YANG PERLU DIJAWAB

Bentuk Esei dan berdasarkan keperluan dalam sukanan peperiksaan.

8. TAHAP KESUKARAN SOALAN

Menguji pengetahuan dan pemahaman.

9. RUJUKAN SEMASA PEPERIKSAAN

Calon-calon **tidak dibenarkan** merujuk sebarang sumber bacaan/rujukan/nota dalam apa-apa medium sekalipun semasa peperiksaan dijalankan **kecuali** yang dibenarkan dalam Sukatan Peperiksaan.

10. PENGECUALIAN

Calon-calon yang telah lulus mana-mana subjek dalam peperiksaan ini adalah **dikecualikan** mengambil semula subjek tersebut.

11. KEPUTUSAN

Lulus/Kandas (Markah lulus yang ditetapkan adalah 40%)

12. PELANTIKAN PEMERIKSA

Pemeriksa adalah dilantik dengan kelulusan oleh Pengurus Lembaga Peperiksaan Kementerian Kerja Raya Malaysia.

13. BAHASA

Soalan dan jawapan adalah dalam **Bahasa Malaysia** sepenuhnya kecuali untuk terminologi-terminologi tertentu.

14. PERMOHONAN

Permohonan menduduki peperiksaan adalah menerusi aplikasi dalam talian (*online*) **SAHAJA** melalui laman portal www.exam.jkr.gov.my dan perlu dikemukakan ke Seksyen Peperiksaan Jabatan, JKR sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

15. PUSAT PEPERIKSAAN

Pusat Peperiksaan disediakan di setiap Ibu Pejabat JKR Negeri/Wilayah Persekutuan (kecuali W.P. Putrajaya) dan berdasarkan ketetapan oleh Seksyen Peperiksaan Jabatan (SPJ), Cawangan Pengurusan Korporat, JKR Malaysia.

16. KEKERAPAN PEPERIKSAAN

Peperiksaan diadakan **dua (2)** kali setahun.

17. TARIKH AKHIR PERMOHONAN

Satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Seksyen Peperiksaan Jabatan, Cawangan Pengurusan Korporat, Jabatan Kerja Raya Malaysia (± 1 bulan sebelum tarikh peperiksaan).

Lampiran A

PJA01 : KEJURUTERAAN AWAM – KERJA LUAR BANGUNAN

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** yang diperlukan seorang Penolong Jurutera Awam mengenai skop kerja Kejuruteraan Awam-Kerja Luar Bangunan meliputi perkara-perkara berikut:

1. Kerja Tanah.

- a) Penentuan aras platform.
- b) Pengiraan kuantiti pemotongan dan penambakan tanah.
- c) Kaedah perlindungan cerun dan sistem saliran di cerun.
- d) Konsep dan komponen Pelan Hakisan Kawalan Kelodak (ESCP).
- e) Rekabentuk perangkap kelodak (*silttrap*).
- f) Pemahaman butiran yang terdapat di dalam lukisan.
- g) Butiran ujian pemandatan tanah berpandukan kepada spesifikasi.
- h) Syarat-syarat kelulusan dan pematuhan kepada Pihak Berkuasa Berkenaan.

2. Sistem Saliran Permukaan.

- a) Konsep MASMA.
- b) Konsep menentukan kawasan tадahan dan rangkaian sistem saliran.
- c) Rekabentuk kadaralir (Q) – *rational method*.
- d) Rekabentuk saliran – *invert level*, kecerunan, semak saiz saliran dengan Q.
- e) Jenis-jenis saliran serta fungsinya.
- f) Jenis-jenis pembentung serta fungsinya.
- g) Jenis takungan (*sump*) serta fungsinya.
- h) Konsep rekabentuk *On-Site Detention* (OSD) – *wet, dry, discharge control*.
- i) Konsep *detention* dan *retention*.
- j) Konsep *swale*.
- k) Butiran yang terdapat di lukisan.
- l) Keperluan ujian yang perlu dijalankan berpandukan kepada spesifikasi.
- m) Syarat-syarat kelulusan dan pematuhan kepada Pihak Berkuasa Berkenaan/JPS.

3. Jalan Dalaman dan Dataran Kejat.

- a) Struktur jalan (turapan) – jenis, bahan, fungsi lapisan dan ketebalan.
- b) Keratan rentas.
- c) Persimpangan (*intersection*) – jenis, *turning radius*.
- d) Jalan masuk-*taper, acceleration and deceleration lanes*
- e) Tempat letak kenderaan.
- f) Perabot jalan, tandaan jalan dan papan tanda.
- g) Pemahaman butiran di dalam lukisan.
- h) Ujian ke atas bahan dan struktur jalan berpandukan kepada spesifikasi.

4. Jenis-Jenis Struktur Penahan.

- a) Jenis-jenis struktur penahan yang sering digunakan di dalam projek JKR.

- b) Konsep rekabentuk.
- c) Pemahaman butiran yang terdapat dilukisan.

5. Sistem Retikulasi Air Luaran.

5.1 Pengenalan Sistem Retikulasi Air Luar Bangunan

- a) Sistem bekalan air luaran;
 - i) Susun atur sistem air sejuk untuk bangunan yang mudah.
 - ii) Meter air, injap penahan, injap bebola, saluran utama retikulasi, paip pembersih dan paip menaik utama.

5.2 Rekabentuk Sistem Retikulasi Air Luaran

- a) Jenis sistem agihan.
- b) Definisi dan pengiraan permintaan air harian.
- c) Tekanan bekalan – ujian tekanan dan keputusan.
- d) Kapasiti tangki air simpanan dan tangki sedutan serta keperluan sistem pam.
- e) Jenis bahan tangki yang digunakan.
- f) Jenis dan pemilihan kesesuaian paip.
- g) Rekabentuk tekanan – baki tekanan selamat, kehilangan turus tekanan (geseran dan sebagainya) dan diameter paip.
- h) Jenis injap serta fungsinya.
- i) Jenis pepasang (*fittings and special*) serta fungsinya.
- j) Jenis sesiku (*bend*).
- k) Butiran ujian paip berpandukan spesifikasi.
- l) Syarat-syarat kelulusan dan pematuhan kepada Pihak Berkuasa Air.

6. Sistem Kumbahan Luaran.

6.1 Pengenalan Sistem Kumbahan Luaran

- a) Asas sistem kumbahan.
- b) Komponen-komponen sistem:- contohnya *Inspection chamber*, *manhole*, *drop manhole*, pembentung berpusat IWK atau pihak berkuasa tempatan.
- c) Jenis-jenis sistem rawatan kumbahan.

6.2 Rekabentuk Sistem Kumbahan Luaran

- a) Definisi dan pengiraan penduduk setara (*PE*).
- b) Jenis-jenis dan pemilihan kesesuaian paip.
- c) Jenis-jenis asas paip.
- d) Rekabentuk paip graviti – *invert level*, kecerunan dan halaju.
- e) Butiran lurang (*manhole*) dan lurang periksa (*inspection chamber*).
- f) Jenis sistem rawatan kumbahan.
- g) Keperluan zon penampang.
- h) Ujian paip/lurang yang dijalankan mengikut spesifikasi.
- m) Syarat-syarat kelulusan dan pematuhan kepada IWK/SPAN.

7. Kerja Ukur.

- a) Ukur Rantai.
 - i) Prinsip-prinsip am kerja ukur.
 - ii) Kegunaan dan pelarasan peralatan ukur.
 - iii) Pengiraan keluasan.
 - iv) Penggunaan *Planimeter*.
- b) Ukur Kompas
 - i) Kompas berprisma.
 - ii) Kegunaan dan pelarasan.
 - iii) Sudut serong magnet.
 - iv) Kaedah pengukuran dengan dan tanpa rantai.
- c) Teropong Jauh.
 - i) Prinsip-prinsip.
 - ii) Biasan dan kelengkungan
 - iii) Ukur aras salingan (*Reciprocal Levelling*).
- d) Ukur Aras.
 - i) Bentuk-bentuk buku kerja luar.
 - ii) Jenis-jenis alat aras.
 - iii) Staf ukur aras.
 - iv) Aras lompat.
 - v) Aras berselerak.
 - vi) Ukur aras melintang dan membujur.
 - vii) Kontur.
 - viii) Pancang tanda (*Setting Out*).
 - ix) Kegunaan lintasan penglihatan (*sight rails*) dan rod aras (*boning rod*).
- e) Theodolit.
 - i) Pengenalan asas kepada penggunaan theodolit.
 - ii) Penentuan jarak dengan menggunakan theodolit.

8. Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)

- a) Pengenalan dan elemen SPAH.
- b) Kualiti air hujan.
- c) Proses pengumpulan air hujan.
- d) Penyenggaraan.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab **lima (5) sahaja** daripada sepuluh (10) soalan esei.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. *JKR Standard Specifications for Building Works 2005.*
2. Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) - Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).
3. *The Principles of Surveying, J. Clendinning and J.G. Oliver, 3rd Edition, London: Blackie 1967.*
4. *Land Surveying, Man Keong Sam, Kuantan : Hamid Bros, 1982.*
2. *Malaysian Sewerage Industry Guidelines – Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.*
3. Garispanduan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
4. *Design Guidelines for Water Supply Systems (Section 5, 14, 15 & 16) – Malaysian Water Association.*
5. Nota Kursus Kerja Tanah.
6. Nota Kursus Sistem Saliran.
7. Nota Kursus Sistem Pembetungan.
8. Nota Kursus Sistem Retikulasi Air Luaran.
9. Nota Kursus Jalan.

Lampiran B

PJA02 : KEJURUTERAAN STRUKTUR

Menguji **pengetahuan dan kefahaman** yang diperlukan seorang Penolong Jurutera Awam mengenai skop kerja Kejuruteraan Struktur meliputi perkara-perkara berikut:

1. Konkrit Bertetulang.

- a) Am;
 - i) Pengetahuan berkenaan dengan keperluan rekabentuk pembinaan.
 - ii) Pengetahuan berkenaan kod-kod amalan rekabentuk yang digunakan dalam merekabentuk konkrit bertetulang.
- b) Bahan;
 - i) Pengetahuan berkenaan dengan komponen campuran konkrit;
 - a. Simen.
 - b. Agregat (kasar dan halus).
 - c. Air.
 - d. Bahan Tambah (*Additives*).
 - e. *Admixtures*.
 - ii) Pengetahuan berkenaan dengan jenis-jenis dan sifat, tujuan, keperluan ujian bahan dijalankan sebagaimana yang dinyatakan di dalam spesifikasi JKR terkini.
 - iii) Pemahaman berkenaan kaedah dan tujuan penyampelan serta penggredan agregat (kasar dan halus).
- c) Jenis konkrit;
 - i) Pengetahuan dan pemahaman berkenaan dengan jenis-jenis dan keperluan konkrit yang digunakan di projek-projek JKR.
 - ii) Pengetahuan berkenaan dengan keperluan serta kehendak spesifikasi berkaitan dengan penyediaan campuran percubaan (*trial mix*) dan keperluan ujian sebagaimana yang dinyatakan di dalam spesifikasi JKR terkini.
 - a. Campuran *Prescribed (Prescribed Mix)*.
 - b. Campuran Terekabentuk (*Designed Mix*).
- d) Konkrit siap bancuh (*Ready mixed concrete*);
 - i) Pengetahuan berkenaan dengan keperluan dan kaedah penyampaian konkrit siap bancuh ke tapak sebagaimana yang dinyatakan di dalam spesifikasi JKR terkini.
- e) Tetulang;
 - i) Saiz dan panjang tetulang.
 - ii) Cara-cara pemotongan tetulang.
 - iii) Lentur bar tetulang.
 - iv) Ukuran-ukuran lentur.

- v) Operasi lentur.
 - vi) Pemasangan tetulang.
 - vii) Ikatan-ikatan dawai.
 - viii) Ukuran penutup konkrit.
 - ix) Jarak liang konkrit.
 - x) Melentur.
 - xi) Pemasangan tetulang.
- f) Ujian;
 - i) Ujian-ujian yang dijalankan di tapak bina.
 - ii) Penentuan gred agregat (kasar dan halus).
 - iii) Kandungan kelembapan.
 - iv) *Loam* bendasing organik.
 - v) Kegemburan pasir.
 - vi) Pengayakan.
 - vii) Pembersihan agregat (kasar dan halus).
 - viii) Ujian ke atas tetulang.
 - ix) Ujian-ujian lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam spesifikasi piawai.
 - x) Interpretasi keputusan ujian-ujian yang dijalankan.
 - g) Prinsip-prinsip rekabentuk;
 - i) Pengetahuan berkenaan dengan prinsip-prinsip rekabentuk konkrit bertetulang dengan rujukan-rujukan tertentu bagi meletakkan tetulang dengan betul.
 - ii) Pemahaman dan kebolehan di dalam penafsiran butiran konkrit tetulang dari pelan struktur.
 - iii) Pengetahuan berkenaan dengan kod-kod amalan rekabentuk (*British Standard*) yang digunakan di dalam melaksanakan kerja-kerja rekabentuk konkrit bertetulang.

2. Keluli.

- a) Pengetahuan berkenaan dengan konsep dan prinsip-prinsip rekabentuk struktur keluli.
- b) Pengetahuan tentang jenis-jenis, saiz piawai dan kegunaan setiap komponen keluli.
- c) Pengetahuan terhadap ukuran dan kaedah, pengukuran saiz komponen keluli.
- d) Pengetahuan berkenaan kod-kod amalan rekabentuk yang digunakan di dalam melaksanakan kerja-kerja rekabentuk struktur keluli.
- e) Pengetahuan berkaitan dengan penyediaan lukisan-lukisan struktur keluli.
- f) Pengetahuan dan pemahaman terhadap butiran yang dinyatakan di dalam lukisan struktur keluli.
- g) Pengetahuan dan pemahaman terhadap jenis-jenis sambungan yang digunakan.

- h) Pengetahuan dan pemahaman terhadap ujian-ujian yang dilaksanakan ke atas komponen keluli.
- i) Pengetahuan serta kebolehan menginterpretasi keputusan ujian-ujian yang dilaksanakan selaras dengan kehendak di dalam spesifikasi JKR terkini.

3. Kayu.

- a) Pengetahuan berkenaan dengan konsep dan prinsip-prinsip rekabentuk struktur kayu.
- b) Pengetahuan tentang jenis-jenis, pengelasan kayu dan kegunaan setiap komponen kayu.
- c) Pengetahuan terhadap ukuran dan kaedah pengukuran saiz komponen kayu.
- d) Pengetahuan berkenaan kod-kod amalan rekabentuk yang digunakan di dalam melaksanakan kerja-kerja rekabentuk struktur kayu.
- e) Pemahaman berkaitan dengan penyediaan lukisan-lukisan struktur kayu.
- f) Pengetahuan dan pemahaman terhadap butiran yang dinyatakan di dalam lukisan struktur kayu.
- g) Pengetahuan dan pemahaman terhadap jenis-jenis sambungan yang digunakan.
- h) Pengetahuan dan pemahaman terhadap jenis-jenis ujian yang dilaksanakan ke atas komponen kayu.
- i) Pengetahuan serta kebolehan menginterpretasi keputusan ujian-ujian yang dilaksanakan selaras dengan kehendak di dalam spesifikasi JKR terkini.

4. Sistem Bangunan Berindustri (*IBS*).

4.1 Konkrit Pasang Siap/Prategasan.

- a) Pengetahuan berkenaan dengan konsep dan prinsip-prinsip rekabentuk.
- b) Pengetahuan tentang saiz dan kaedah pengukuran komponen.
- c) Pengetahuan tentang *Modular Coordination*.
- d) Pengetahuan tentang jenis-jenis dan kegunaan setiap komponen.
- e) Pengetahuan terhadap kod-kod amalan rekabentuk dan katalog (*CIDB/JKR*) yang digunakan di dalam melaksanakan kerja-kerja rekabentuk.
- f) Pengetahuan dan pemahaman terhadap jenis-jenis sambungan yang digunakan.
- g) Pengetahuan dan pemahaman terhadap butiran yang dinyatakan di dalam lukisan.
- h) Pengetahuan dan pemahaman terhadap jenis-jenis dan kaedah ujian yang perlu dilaksanakan.
- i) Pengetahuan dan kebolehan menginterpretasi keputusan ujian-ujian yang dilaksanakan selaras dengan kehendak di dalam spesifikasi JKR terkini.
- j) Pengetahuan tentang teknologi *IBS* dalam industri pembinaan.
- k) Pengetahuan dan pemahaman tentang kaedah penghantaran dan pemasangan.

4.2 Pembekal Sistem

Pembekal sistem bermaksud komponen binaan pasang siap yang dibekalkan ke tapak di mana mutu pembuatan dan pemasangan dikawal dan diselia oleh pihak pembekal sistem itu sendiri, contohnya sistem kekuda bumbung.

- a) Pengetahuan berkenaan senarai pembekal sistem yang diluluskan oleh JKR (Kekuda Kayu dan *Cold Formed*).
- b) Pemahaman terhadap lukisan pembekal sistem.
- c) Pengetahuan berkenaan dengan konsep dan prinsip-prinsip rekabentuk pembekal sistem.
- d) Pengetahuan terhadap kod-kod amalan rekabentuk yang digunakan di dalam melaksanakan kerja-kerja rekabentuk.
- e) Pengetahuan dan pemahaman terhadap butiran yang dinyatakan di dalam lukisan.

SOALAN-SOALAN

1. Jawab **lima (5) sahaja** daripada sepuluh (10) soalan esei.
2. Masa peperiksaan : 3 jam.
3. Markah keseluruhan : 100.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. *Uniform Building By-Laws* – MDC Sdn. Bhd.
2. *Structural Use of Concrete (BS 8110)* – British Standards Institution (BSI).
3. *Design Loading for Buildings (BS 6399)* – British Standards Institution (BSI).
4. *Reinforcement Detailing Manual to BS 8110* – Ove Arup Partnership.
5. *Reinforced Concrete Design to BS 8110, Simply Explained* – A.H. Allen. E and F.N. Spon.
6. *Reinforced and Prestressed Concrete* – Kong and Evan. Van Nostrand Reinhold (International).
7. *Worked Example for Design of Reinforced Concrete* – T.J MacGinley.
8. *Structures* – Marshall and Nelson. Pitman.
9. *Structural Use of Concrete (MS 1195)*.
10. *Specification for the Use of Structural Steel in Building (BS 5950)*.
11. *Code of Practise for the Structural Use of Timber (MS 544)*.
12. *Intermediate Structural Analysis* – C.K. Wang.
13. Kekuatan Bahan dan Struktur – Case and Chilver (Terjemahan Mohd. Nor Abu Hasan dan Mohd. Rahim Karim).
14. *Rainforced Concrete Design* – Mosley and Bungey. MacMillan.
15. *Rainforced Concrete Design Theory and Examples* – T.J MacGinley, E and F.N Spon.
16. *Structural Steel Calculations and Detailing* – T.J MacGinley. Butterworths.
17. *Reinforced Concrete Design's Handbook* – Charles E. Reynolds.
18. *Guideline to Modular Coordination in Building (MS 1064 - Part 8)* – Department of Standards Malaysia and SIRIM Berhad.
19. *Structural Precast Concrete Handbook* – Construction Industry Development Board (CIDB).

20. Rekabentuk Struktur Kayu Menurut MS 544 – Mat Lazim Zakaria.
